

CNS1464

U GB 15-08 00181 BA808

aab

Mahathir - UMNO

KEPUTUSAN MAHKAMAH SERAH ASET KEPADA UMNO ADIL DAN TEPAT

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan Mahkamah Tinggi mengembalikan aset UMNO kepada parti itu adalah satu keputusan yang cukup adil dan tepat.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata aset itu sememangnya milik UMNO sejak dari dahulu.

"Walaupun secara teknikal dianggap sebagai tidak legal (tidak sah dari segi undang-undang) tetapi hakikatnya UMNO yang ada sekarang ialah UMNO dahulu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Johan Kemahiran Malaysia kelima di Maktab Perguruan Teknik Cheras di sini.

Katanya, keputusan Mahkamah itu amat tepat dan sesuatu yang diharapkan.

Bagaimanapun beliau kecewa sedikit kerana proses pemulangan harta itu mengambil masa yang lama dan ini telah mengakibatkan UMNO kehilangan punca pendapatan.

Kesemua aset dan liabiliti UMNO diletakkan di bawah Pegawai Pemegang Harta berikutan pengharaman parti itu pada 1988. Berikutan itu UMNO yang wujud sekarang didaftarkan dengan majoriti anggotanya terdiri daripada anggota UMNO yang diharamkan itu. -- Lagi.

♥15/08/18-48MST

CNS1495

R PB 15-08 00119 BA891

aab

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, sejak harta UMNO itu diletakkan di bawah Pegawai Pemegang Harta, banyak daripada harta itu telah rosak dan sebagainya kerana parti itu tidak dapat menyenggarakannya dengan baik.

Bagaimanapun, beliau berkata, mahkamah tidak boleh dipersalahkan dalam hal ini "kerana ia merupakan proses undang-undang".

Ketika ditanya apakah makna keputusan mahkamah itu kepada UMNO, beliau berkata: "Kita sudah dapat harta kita balik."

Beliau juga berkata, ada kemungkinan pengaruh UMNO akan bertambah dengan keputusan mahkamah itu.

"Kebanyakan anggota UMNO dahulu ada dalam UMNO sekarang. Juga segala dasar dan lain-lain yang memberi identiti UMNO dahulu ada pada UMNO sekarang," kata beliau. -- Lagi.

♥15/08/19-15MST

CNS1533

U GB 15-08 00129 BB401

AAB

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai kemungkinan beberapa pihak yang akan mencabar keputusan mahkamah itu, Dr Mahathir berkata, tempoh untuk mencabar permohonan UMNO untuk mendapatkan semula hartanya sudah selesai.

Katanya, UMNO telah memberi notis yang cukup bagi mana-mana pihak untuk membuat bantahan mengenai permohonannya "tetapi tidak ada bantahan" yang dibuat.

"Lagipun, kita berpendapat bahawa tuntutan kita itu disokong dengan semua alasan-alasan undang-undang yang ada," kata beliau.

Beliau juga berkata, Majlis Tertinggi UMNO akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan mengenai keputusan mahkamah itu sebaik sahaja parti itu mendapat keputusan rasmi mengenainya.

Antara harta yang dimiliki UMNO ialah Menara Datuk Onn 38-tingkat yang juga menempatkan ibu pejabat parti itu dan juga bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). -- Lagi.

CNS1589

U GB 15-08 00147 BB407

AAB

Mahathir - UMNO 4 Kuala Lumpur

Sementara itu, di JOHOR BAHRU, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin berkata, keputusan itu merupakan berita yang sekian lama ditunggu-tunggu seluruh anggota UMNO.

Berita baik itu akan membolehkan semua bahagian UMNO menggunakan harta UMNO yang ada di bahagian masing-masing seperti bangunan dengan sebaik mungkin, katanya kepada pemberita selepas menemui para anggota UMNO Bahagian Johor Baharu di Kampung Setanggi.

Muhyiddin berharap keputusan mahkamah itu yang "memulangkan" aset kepada UMNO tidak akan diungkit-ungkit lagi oleh pihak-pihak tertentu seperti parti pembangkang.

"Jelas sekali keputusan Mahkamah Tinggi itu menunjukkan bahawa UMNO hari ini merupakan UMNO sebenar yang mendapat hak semula ke atas harta UMNO dahulu," katanya.

Beliau menambah kata, keputusan itu juga membolehkan semua harta UMNO yang sebelum ini dibekukan dapat dicairkan semula dengan kepentingan anggota UMNO dan UMNO sendiri. -- Lagi.

15/08/20-25MST

CNS1590

U GB 15-08 00178 BB408

AAB

Mahathir - UMNO 5 Kuala Lumpur

Di SEREMBAN, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, keputusan itu akan membolehkan UMNO melicinkan lagi jentera pentadbiran parti tanpa perlu memikirkan masalah yang menghantuinya sejak ia diharamkan pada tahun 1988.

"Pengembalian segala harta yang dimiliki UMNO itu jelas membuktikan bahawa UMNO (sekarang) telah benar-benar lengkap sebagai UMNO yang asal," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Tanah dan Galian, petang ini.

Mohamed Isa berkata, keputusan itu membuktikan tohmahan sebelum ini bahawa UMNO sekarang bukan UMNO asal sebagai tidak benar.

Segala harta yang dimiliki UMNO lama telah diletakkan pada Pegawai Pemegang Harta berikutan keputusan Pendaftaran Pertubuhan membatalkan pendaftaran pertubuhan itu pada 12 Feb 1988.

Menurutnya, ia juga akan membolehkan bangunan milik UMNO digunakan untuk menjalankan pentadbiran jentera parti tanpa perlu lagi membayar sewa kepada Pemegang Amanah Raya.

Selain itu, bangunan sama ada di peringkat negeri atau bahagian dapat dibaik pulih semula kerana keadaan sesetengahnya didapati berada dalam keadaan agak tidak memuaskan. -- Lagi.

15/08/20-25MST

CNS1593

U GB 15-08 00148 BB409

AAB

Mahathir - UMNO 6 Kuala Lumpur

Di KUALA TERENGGANU, Perhubungan UMNO Terengganu akan membentuk sebuah jawatankuasa dengan dianggotai wakil dari kesemua lapan bahaqian untuk menguruskan soal mengambil alih harta UMNO (Lama).

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar berkata, harta UMNO Terengganu bernilai beberapa juta ringgit kerana Perhubungan UMNO Negeri dan kesemua bahaqian mempunyai bangunan sendiri dan beberapa bidang tanah.

Wan Mokhtar, yang juga Ketua Perhubungan UMNO Terengganu, berkata, UMNO Terengganu kini mempunyai kira-kira 150,000 orang anggota dan jumlah ini dianggarkan 30 peratus lebih banyak daripada jumlah anggota UMNO (Lama).

Bahaqian-bahaqian/UMNO Terengganu ialah Kemaman, Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut.

Sambil melahirkan rasa gembira dengan keputusan mahkamah itu, beliau berkata, ia juga membuktikan bahawa UMNO (sekarang) ialah pemilik segala harta UMNO (Lama) kerana tuntutan dibuat menurut peruntukan undang-undang yang sah. -- Laqil.

15/08/20-25MST

U GB 15-08 00162 BB410

AAB

Mahathir - UMNO 7 (Akhir) Kuala Lumpur

Di IPOH, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, keputusan mahkamah itu akan menyemarakkan lagi semangat pemimpin dan anggotanya untuk meneruskan perjuangan untuk rakyat.

Menurutnya, parti itu dapat berfungsi dengan baik walaupun hartanya dibekukan selama kira-kira enam tahun dan dengan penyerahan semula itu akan menaikkan semangat anggota untuk bergerak dalam keadaan yang lebih baik.

"Kini kita berada dalam landasan yang lebih baik untuk berkhidmat kepada rakyat", katanya.

Di MELAKA, Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Mohamad Ali Rustam berkata, keputusan Mahkamah Tinggi itu membuktikan UMNO sekarang adalah waris UMNO lepas dan tidak ada sesiapa yang harus mempertikaikannya.

Katanya, keputusan itu membuktikan UMNO sekarang adalah kesinambungan UMNO lepas dan ia tidak harus diragui oleh sesiapa selepas ini.

Menurutnya, keputusan itu dianggap satu pukulan hebat kepada parti Semangat 46 yang sentiasa mahu melihat UMNO tidak dapat berfungsi dengan sempurna. -- Bernama.

TEAM KAM.

15/08/20-27MST

CNS1636

U GB 15-08 00097 BB412

AAB

Mahathir - UMNO 8 Kuala Lumpur (Sambungan Berita)

Di Singaura, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keputusan mahkamah itu jelas menunjukkan bahawa UMNO yang ada hari ini ialah sambungan perjuangan UMNO (Lama).

Sambil menyatakan rasa gembiranya terhadap keputusan mahkamah itu, Najib berkata, UMNO telah memenuhi semua syarat ketat yang diperlukan untuk mendapatkan kembali harta miliknya itu.

Ia merupakan kemuncak ke arah usaha memulihkan semula UMNO seperti UMNO (Lama), katanya kepada Bernama selepas berucap pada jamuan malam tahunan Kelab Harvard Singapura. -- Bernama.

AZZ KAM.

15/08/21-13MST